



Tahun 2, No. 17

DITERBITKAN OLEH PEJABAT PENERANGAN
KERAJAAN BRUNEI
DUA KALI SABULAN

15 October, 1957.

SAMBUTAN MAULUDUN NABI DI-BRUNEID.P.B. BERHARAP PERAYA'AN2 DI-ADAKAN PADA TIAP2 TAHUNKADZI BESAR NASEHATKAN "TUNTUT-LAH ILMU WALAU KA-NEGERI CHINA

UMAT ISLAM di-seluruh negeri Brunei telah menyambut Hari Ulangan Tahun Keputera'an Nabi kita Mohammad SAW dengan mengadakan peraya'an2 sechara besar2an di-beberapa Da'erah pada Hari Ahad 6 hbl. October, 1957.

Salain daripada mengadakan Majlis2 Berzikir dan Kenduri di-Mesjid2, Perarakan2 juga di-adakan pada tahun ini sabagaimana yang telah di-jalankan pada tahun2 yang lalu.

Perarakan Laut di-Bandar Brunei telah di-langsungkan pada malam 4 hbl. October, manakala Perarakan Darat pula pada petang Hari Ahad 6 hbl. October, 1957. 7 pasokan2 dari Kampong Ayer telah mengambil bahagian dalam Perarakan Laut dan 36 pasokan2 telah mengambil bahagian dalam Perarakan Darat.

Hadiah2 kepada pasokan2 yang berjaya dalam kedua2 perarakan tersebut dan juga untuk sambutan2 yang meriah di-Mesjid Pekan Brunei telah di-sampaikan oleh Pemangku Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara selepas selesai di-langsungkan perarakan darat di-Padang Pekan Brunei pada petang Ahad 6 hbl. October.

Sabelum menyampaikan hadiah2 tersebut, sharahan2 telah pun di-lapadzkan oleh pensharah2 yang terkemuka, termasuk Yang Teramat Mulia sendiri. Yang Berhormat Pengeran Ali bin Pengeran Haji Mohammad Daud, Setia Usaha Peraya'an terma'lum telah juga melafadzkan kata2 yang berharga manakala Tuan Haji Othman bin Haji Mohammad Sa'id, Pengelola dan Penyusun Sekolah2 Ugama bagi seluruh Negeri Brunei telah melafadzkan sharahan-nya berkenaan dengan perjuangan Nabi Mohammad untuk memajukan Ugama Islam. Buat penutup hari yang bersejarah itu Do'a Selamat telah di-bachakan oleh Pehin si-Raja Khatib.

Pada pagi hari ^Ahad 6hbl. October, Darjah2 Ugama Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei dan Sultan Omar Ali Saifuddin College telah mengadakan satu majlis sambutan hari yang berbahagia itu di-bawah pimpinan guru Darjah2 mereka Che'gu Abdul Rahman bin Haji Hashim bertempat di-dewan SOAS College.

Kedua2 Pemangku2 Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara dan Yang Berhormat Mulia Tuan Kadzi Besar Negeri Brunei telah hadir bersama2 di-majlis itu.

Ketika memberi ucapan di-majlis itu, Yang Teramat ^Mulia itu berkata, "Bahawa dengan sempana hari yang bertuah dan bersejarah ini, saya dengan perasa'an yang gembira dan hati yang tulus ikhlas mengambil peluang terutama-nya mengucapkan shukor ka-hedzrat Ilahi atas lempah rahim-nya, maka dapat-lah kita bersama2 mera'ikan pada hari yang bersejarah ini, ia-itu pada tarikh 12 Rabbi'el-Awal, yang mana telah di-ketahui oleh umat Islam seluruh-nya ia-lah hari Lebaran yang bersejarah bagi hari jadi Junjongan kita Nabi Mohammad SAW.

"Maka di-sini juga saya mengambil peluang mengucapkan terima kaseh kepada guru2 dan murid2 Sultan Omar Ali Saifuddin College dan juga Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei yang mana telah sudi menjemput bersama2 mera'ikan bagi menyambut hari yang sangat2 bersejarah bagi Junjongan kita Nabi Mohammad.

"Saya berharap dan berdo'a kepada Tohan Rabbul 'Alamin semoga peraya'an2 sambutan yang di-adakan pada hari ini mudah2an akan dapat lagi di-adakan pada tahun2 yang akan datang akan berjalan saterus-nya.

"Dengan rasa yang penuh gumbira, saya mengucapkan terima kaseh kepada guru2 dan murid2 SOAS College dan juga kepada Penuntut2 Pusat Latehan Guru2 Melayu Brunei yang mana telah berkerjasama dan bersatu padu bagi mengadakan sambutan hari yang sangat2 bersejarah bagi Junjongan kita Mohammad yang sangat2 di-gemari ini. Sekian-lah ucapan saya di-sudahi sa-kali lagi dengan mengucapkan ribuan terima kaseh."

Yang Berhormat Mulia Pengeran Haji Mohammad Salleh, Tuan Kadzi Besar bagi Negeri Brunei, salah sa-orang Pemangku2 Al-Sultan telah menyatakan di-Majlis sambutan Mauludun-Nabi tersebut bahawa murid2 yang menjadi penuntut2 di-SOAS College dan guru2 mereka telah berjaya pada pagi itu mengadakan keramaian kerana menyambut hari yang mulia memperingati ulang tahun hari Jadi Junjongan Umat Muslimin, Nabi Mohammad SAW, sambil mengucapkan satinggi2

tahniah kepada

tahniah kepada para penuntut dari Pusat Iaitan Guru2 Melayu Brunei dan juga penuntut2 SOAS College itu, serta juga kepada sagemap lapisan kaum muslimin dari seluruh Negeri Brunei yang telah berkerja sama bagi menjayakan tamasha perayaan Mauludun-Nabi pada tahun ini, dan mudah2an dengan kerja sama itu mereka akan mara ka-hadapan, bersatu melangkah ka-arrah kemajuan dan kemulia'an yang di-redza'i oleh Tohan.

"Saya perchaya murid2 yang belajar di-College ini bukan-nya lagi di-dalam lengkongan kanak2, ia-lah telah meningkat jadi pemuda dan pemudi yang akan bertanggung jawab terhadap tanah ayer dan bangsa-nya. Oleh sebab itu menurut kepada sabda Junjongan kita, tuntut-lah 'ilmu walau ka-Negeri China," Yang Berhormat Mulia menambah kata.

Selanjut-nya Yang Berhormat Mulia itu menegaskan Bahawa SOAS College itu telah ada guru Ugama-nya yang mengajar dan mendidik murid2 yang berUgama Islam, akantetapi jangan-lah para penuntut berpuas hati dengan 'ilmu yang mereka memperolehi di-sekolah, kerana 'ilmu pengetahuan di-sekolah itu hanya sabahagian sahaja daripada 'ilmu pengetahuan yang amat luas dan dalam, dan sudah barang tentu-lah penuntut2 itu membacha kitab2 yang berguna dan juga jangan-lah di-cheraikan 'ilmu itu dengan jalan Ugama.

Akhir-nya, Beliau telah menasehatkan kepada kaum Muslimin ia-itu Qoran yang Mulia dan Sunnat(h) perjalanan Rasul Allah itu kedua2-nya pesaka yang di-tinggalkan oleh Rasul-ul Allah adalah menjadi hak warith umat Muslimin. Jika sekira-nya mereka mengerti dan menggunakan-nya dengan baik, maka mereka akan memperolehi dengan selamat-nya, tetapi jika tidak, rugi-lah mereka.

*** **

PERTEMUAN WAKIL2 PARTAI RAKYAT BRUNEI DENGAN
SETIA USAHA NEGARA DI-LONDON

Yang Amat Berhormat Tuan Setia Usaha bagi Tanah2 Jajahan, Mr Alan Lennox Boyd telah bertemu dengan satu Rombongan dari Partai Rakyat Brunei pada petang Thalatha 1 hbl, October, 1957. Demikian menurut satu siaran resmi yang di-terima oleh pihak Kerajaan Brunei daripada Mr Alan Lennox Boyd sendiri.

Rombongan itu ada-lah mengandongi Inche' A.M. Azahari (President Partai Rakyat Brunei), Inche' Jassin Affandi dan Inche' Zaini Haji Ahmad.

Pertemuan di-antara.....

Pertemuan di-antara Partai Rakyat Brunei dengan Tuan Setia Usaha Negara itu telah di-adakan di-atas shor daripada Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin.

Mr Walter Raeburn Q.C. telah menghadziri pertemuan tersebut sebagai Penasehat Perlembaga'an Partai Rakyat Brunei.

PEMBUKA'AN RESMI PEJABAT TELEPHONE AUTOMATIC DI-BANDAR
BRUNEI

Pemangku Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara telah menyampornakan istiadat pembuka'an resmi bangunan Pejabat Telephone Automatic di-Bandar Brunei yang telah berlangsung pada hari Sabtu, 5 hbl October, 1957.

Di-antara ramai para hadzirin dalam upacara tersebut, termasuk-lah Tuan British Resident, Yang Berhormat Mr J.O. Gilbert, Ahli2 Mashuarat Negeri dan Pegawai2 Kerajaan.

Sasudah Yang Teramat Mulia melangsungkan istiadat yang bersejarah itu, maka Pehin Tuan Imam pun membacha Do'a Selamat.

Kemudian Pengarah Jebatan Telecom Negeri, Yang Amat Mulia Pengeran Kerma Indra menjemput Yang Teramat Mulia Pemangku Al-Sultan, Yang Berhormat Tuan British Resident dan lain2-nya melawat ka-seluruh tempat dalam bangunan Telephone Automatic yang baharu itu.

PASOKAN2 YANG BERJAYA DALAM PERADUAN2 YANG TELAH
DI-ADAKAN KERANA SAMBUTAN MAULUDUN-NABI TAHUN INI DI-BRUNEI

Perarakan Laut yang telah di-langsungkan pada malam Sabtu, 4 hbl. October, 1957 - Hadiah yang pertama terpulang kepada Kampong Pemancha Lama; kedua Kampong Tamoi Tengah; ketiga Kampong Pandai Besi; keempat Kampong Saba Ujong; kelima Kampong si-Raja Muda dan pemenang yang keenam Kampong Sungai Kedayan.

Perarakan Darat yang telah berlangsung pada petang "had 6 hbl. October, 1957 - Hadiah yang pertama terpulang kepada Kampong Kianggeh (pemenang tahun lepas); kedua Kampong Pemancha Lama dan Maktab Guru2 Melayu Brunei yang telah mendapat markah yang sama. Oleh yang demikian hadiah yang ketiga telah tidak di-sampaikan.

Hadiah yang

Hadiah yang keempat di-menangi oleh Kampong Tamoi Tengah; kelima Mata-mata Brunei Jati; keenam Kampong Pekan Lama; ketujuh PWD Workshops; kedelapan Mata-mata Brunei; kesembilan Kampong Sumbiling dan yang mendapat hadiah kesepuluh ia-lah Kampong Peramu.

Hadiah2 khas untuk murid2 sekolah dalam Perarakan Darat; yang merebut hadiah pertama ia-lah Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal-ul-Alam (laki2); kedua Sekolah Melayu Sultan Mohammad Jamal-ul-Alam (perempuan) dan hadiah yang ketiga terpulang kepada Sultan Omar Ali Saifuddin College.

Kampong Pekan Lama telah berjaya mendapat hadiah pakaian yang terbaik sekali, dan Kampong Kianggeh pula memperoleh hadiah untuk chogan kata yang terbaik sekali.

Sambutan yang meriah di-Mesjid Pekan Brunei, yang mendapat hadiah yang pertama ia-lah PWD Workshop, kedua PWD bahagian Bangunan dan hadiah yang ketiga terpulang kepada Jabatan Municipal.

PEJABAT PENDAFTARAN KERANA MENCHARI KERJA

Sa-buah Pejabat untuk memberi peluang kepada orang2 yang ingin hendak menchari kerja dan juga kepada orang2 yang berkehendak menchari pekerja2 untuk bekerja dengan mereka, telahpun di-buka di-Bandar Brunei baharu2 ini bertempat buat sementara di-sa-buah bilek yang berhampiran dengan Bilek Mahkamah.

Pejabat tersebut ada-lah di-bawah kelola'an bekas Sergeant Major Ibrahim bin Nudin. Beliau ini akan mendaftarkan nama dan kehendak2 baik orang2 yang menchari kerja ataupun orang2 yang berkehendakkan pekerja2.

Barang siapa yang ingin hendak mendaftarkan nama-nya untuk salah satu dari pekerja'an Pejabat ini sila-lah berhubung dengan Pihak Yang Berkuasa.

PERSIDANGAN PERWAKILAN KAWASAN2 BORNEO BRITISH

Pemangku Al-Sultan, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara dan Tuan British Resident, Yang Berhormat Mr J.O. Gilbert telah menghadziri Persidangan kali Yang Kedelapan Perwakilan Kawasan2 Brunei, Sarawak dan Borneo Utara yang telah di-langsungkan di-Jesselton, Borneo Utara baharu2 ini.

LAWATAN MENTERI TANAH JAJAHAN KA-BRUNEI

Yang Amat Berhormat the Earl of Perth, Menteri Hal Ehwal Jajahan Ta'lok British dan isteri-nya Lady Perth telah tiba di-Brunei baharu2 ini dari Sarawak dengan Kapal Terbang Tentera Udara di-Raja British setelah menghadiri temasha sambutan Malaya Merdeka di-Kuala Lumpur. Beliau telah di-iringi oleh Setia Usaha Sulit-nya, Mr J.N.A. Armitage Smith; sa-orang Pegawai Tentera Udara di-Raja British Squadron Leader Thompson dan Setia Usaha Yang Kanan Negeri Sarawak, Yang Berhormat Tuan J.H. Ellis.

Tatkala Tuan Earl of Perth dan Rombongan-nya akan berangkat balek beberapa orang pembesar2 Brunei telahpun berada di-Bangunan Kapal Terbang kerana memberi selamat pergi kepada beliau. Di-antara-nya termasuk-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengeran Bendahara, Yang Berhormat Tuan British Resident, Tuan Penulong British Resident, Tuan Pengarah Pesuruh Jaya Perkembangan Negeri yang juga menjadi Pengarah Penerbangan Awam, Pegawai Penyimpan Wang, Pegawai Police yang Kanan Negeri Brunei dan lain2-nya.

Sabelum bertolak, beliau telah menyatakan kepada wartawan2 dari Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei dan dari Akhbar Borneo Bulletin serta Berita Brunei Kuala Belait dalam satu Persidangan Akhbar di-Bilex Pelawat2 Khas di-Bangunan Padang Kapal Terbang Brunei bahawa beliau sangat-lah gemar melihat ke'ada'an Negeri Brunei dan berasa sangat sukachita melihat bangunan2 yang chantek2 di-Brunei ini yang di-dirikan di-bawah Ranchangan Perkembangan di-Negeri ini, seperti Bangunan Mesjid Pekan Brunei, SOAS College, Padang Kapal Terbang Brunai, Rumah sakit Kerajaan dan sabagai-nya.

Dalam persidangan tersebut beliau menegaskan kepada wartawan2 Jabatan Penerangan Kerajaan Brunei dan Akhbar Borneo Bulletin serta Berita Brunei bahawa beliau dan isteri-nya berharap akan dapat lagi datang ka-Brunei pada masa hadapan, dan tinggal di-Brunei lebih lama dari lawatan-nya yang pertama ini. Waktu itu-lah juga, kata beliau, ia akan dapat menyaksikan kemajuan2 yang akan di-perolehi berkenaan dengan hal ehwal Perkembangan dalam Negeri.

TUJOH ORANG CHINA DI-TANGKAP KERANA MEMPUYAI

C H A N D U

Satu Rombongan Pegawai2 Custom Negeri Brunei yang di-ketuai oleh Inche' Sahari bin Idris telah merampas masuk ka-sa-buah rumah yang di-punyai

yang di-punyai oleh orang2 China di-Kampong China, Bandar Brunei pada pagi hari Khamis 30 hbl. October, 1957. Mereka telah berhasil merampas beberapa banyak chandu dan alat2 mengisap chandu.

Lima orang China dan termasuk sa-orang perempuan telah di-bawa ka-Balai Police dan kemudian di-da'wa kerana mempunyai chandu.

Pada pagi itu juga sa-orang China telah di-tangkap kerana menyimpan chandu oleh sa-orang Pegawai Custom di-Jetty Custom di-Bandar Brunei.

Sementara itu dua orang Pegawai2 Custom Brunei telah menangkap sa-orang China di-sa-buah kedai kopi di-Banda Brunei pada 4 hbl. October yang lalu juga kerana mempunyai chandu. Ia telah di-bawa ka-Balai Police dan di-da'wa atas perkara di-atas.

PERMINTA'AN MENGGUNAKAN WANG NEGERI ASING PADA

TAHUN 1958

Ada-lah di-kehendaki bahawa semua orang yang membawa masuk barang2 dari luar negeri ka-Negeri ini (kechuali Sharikat Brunei Shell Petroleum) hendak-lah menghantarkan kepada Pengarah Jabatan Custom dan Excise Brunei keterangan yang tersebut di-bawah berkenaan dengan perkara perminta'an menggunakan "hard currency" atau pun wang dari negeri asing pada tahun 1958.

Perminta'an ini mesti-lah di-buat dengan sachukup-nya dan tidak ada jaminan yang boleh di-beri bahawa kebanyakan daripada wang yang terma'lum akan dapat di-perolehi.

Orang2 yang hendak membuat perminta'an ada-lah di-ma'lumkan bahawa keterangan2 itu hendak-lah sampai di-Pejabat Pengarah Jabatan Custom dan Excise, Brunei sebelum 20 hbl. October, 1957.

PEMANGKU PEGAWAI DA'ERAH BRUNEI-MUARA

Mr Patrick MacAfee telah di-lantek untuk memangku jawatan sabagai Pegawai Da'erah Brunei dan Muara menggantikan tempat Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Shahbandar Haji Ahmad bin Daud yang pada masa ini sedang berada di-luar negeri. Lantekkan tersebut bermula pada 1 hbl, September, 1957.

SEKITAR LAWATAN DYMM SULTAN KA-EROPAH

Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, Sir Omar Ali Saifuddin dengan rombongan-nya, setelah menghadziri temasha Peraya'an Malaya Merdeka di-Kuala Lumpur, telah pun bertolak ka-^England dan telah tiba di-padang kapal terbang London dengan selamat-nya pada 5 hbl. September, 1957 yang lalu.

Ketika tiba di-padang kapal terbang itu, Baginda telah ditemani oleh Mr E.E.F. Pretty, Bekas British Resident Brunei, yang kini menjadi Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom dan oleh Sir Whitely dari Pejabat Jajahan Ta'lok British di-London.

Ke-esokkan hari-nya Baginda berada di-England, ia telah memulakan lawatan-nya dengan melawat ka-Pejabat Jajahan Ta'lok di-London di-mana Baginda telah bertemu dengan Tuan Pemangku Setia Usaha Negara. Kemudian Baginda telah ^{melawat} ka-Pejabat Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom dan bertemu dengan Wakil2 Pergerakan Pengakap Negeri Brunei yang telah menghadziri Perkhimahan Pengakap2 sa-Dunia di-England.

Pada 7 hbl. September Baginda telah menghadziri satu Majlis Jamuan Minuman atas jemputan oleh Wakil Kerajaan Brunei di-United Kingdom di-Claridges.

Di-antara saramai 140 orang para hadzirin di-majlis itu termasuklah beberapa orang Pegawai2 kanan dari Pejabat Jajahan Ta'lok British di-London; Pesuruh Jaya Tinggi Malaya di-United Kingdom, Datok Nik Kamil; Mr E.E.F. Pretty sendiri dan Mr W.J. Peel, kedua2-nya bekas British Resident di-Brunei; Mr E.R. Bevington, Pesuruh Jaya. Perkembangan Negeri Brunei yang pada masa ini sedang dalam percutian-nya dan isteri-nya dan Bekas Tuan Gobarnor Borneo Utara, Sir Ralph Hone dan Mem-nya.

Antara lain Baginda telah juga melawat dan memeriksa antara satu dari dua buah rumah dan halaman-nya yang bertempat di-Crawly guna untuk di-beli. Rumah yang terpilih itu nanti akan di-beri nama "Brunei House" dan akan di-gunakan untuk tempat tinggal penuntut2 dari Brunei yang belajar di-^England. Baginda juga telah berkesempatan melawat ka-Kilang membuat roti yang bernama Huntley & Palmers di-Reading bersama2 dengan Pengiring2-nya dari Brunei dan Tuan E.E. F. Pretty.

Tatkala berada di-sana Baginda telah di-temui oleh Pengurus Umum kilang itu dan telah mengatakan bahawa itu-lah dia salah satu kilang roti

kilang roti yang terbesar di-Eropah yang mempunyai 6,000 orang pekerja2 dan boleh membuat sabanyak 12 ton roti pada satu hari atau pun $\frac{1}{2}$ ton roti pada tiap2 satu jam.

Baginda telah juga berpeluang melawat ka-tempat penyiasatan penyakit dan musoh tanam2an di-Woodstock Farm di-Da'erah Kent, London. Tempat ini ia-lah sa-buah tempat penyiasatan berbagai2 jenis penyakit dan musoh tanam2an yang tumbuh di-negeri2 yang berhawa panas. Tempat ini ada-lah di-punyai oleh Shell Company.

Ketika tiba di-tempat itu, Baginda serta pengiring2-nya telah di-sambut oleh Pengelola sharikat itu dan telah di-bawa dan di-tunjukkan bermacam2 tempat penyiasatan.

Baginda kelihatan sangat gemar mengetahui berbagai2 jenis2 tumbuh2an dan musoh-nya serta chara melawan berbagai2 penyakit tumbuh2an, istimewa pula dalam satu penyiasatan melawan dan membunuh nyamok dan lalat.

Satelah melawat beberapa bahagian dalam Pejabat itu, Baginda telah di-jemput menghadziri satu Majlis Jamuan makan tengah hari di-"Ye Olde Bull" di-Sitting Bourne, sa-buah tempat makan. Bangunan ini telah di-bena 600 tahun dahulu dan pada satu masa yang lampau telah pernah di-gunakan oleh puak Saxon, waktu England di-bawah pemerintahan Kerajaan Rome.

Mr W.M. Moore, bekas Managing Director, mendiang British Malayan Petroleum Company Seria selama 6 tahun, telah juga hadzir dalam jamuan tersebut.

KEBAKARAN DI-BANDAR BRUNEI

Satu kebakaran telah berlaku di-bangunan Power Station di-Bandar Brunei yang berdekatan dengan Studio Radio Brunei pada sabelah petang 9 hbl. October, 1957. Beratus2 orang telah datang menyaksikan-nya.

Kebakaran itu bermula dari sa-buah tangki yang berisi minyak sabanyak 100 gallon dalam bangunan itu pada pukul 3.18 petang itu. Pada masa kebakaran itu sedang berlaku api telah memunchak naik lebeh daripada 20 kaki ka-atas. Akibat-nya switch gear dan sa-buah jentera telah rosak, dan kira2 dua jam seluruh Bandar Brunei tidak mempunyai api eliktrik.

Semasa api mulai

✓ Semasa api mulai bermaharaja lela, Pasokan Bomba dan Pasokan2 Police dengan di-ketuai oleh Chief Police Officer, Mr T.S. Anderso telah berkejar ka-tempat yang berlaku kebakaran itu dengan serta merta dan setelah bekerja keras melawan api itu dalam tempoh kira2 20 minit maka api itu pun dapat di-tewaskan. Sementara itu Pasokan Police juga telah berjaga di-kawasan Power Station itu untuk menyelamatkan sabarang kemalangan yang mungkin berlaku di-kalangan orang2 ramai yang hendak menyerbu masuk ka-dalam kawasan yang mara-bahaya. Tidak ada apa2 kemalangan berlaku.

Satelah api itu dapat di-tewaskan dengan sechukup-nya, maka anggota2 Power Station pun terus memeriksa dan memperbaiki mana2 saluran eliktrik yang telah di-putuskan dan dalam tempoh dua jam sahaja selepas berlaku peristiwa tersebut, pembahagian eliktrik to dapat di-adakan saperti biasa.

Sementara itu pula, pihak Kerajaan Brunei sedang membuat perhubungan dengan sa-buah sharikat di-Singapura yang telah memasang jentera Power Station di-Bandar Brunei untuk menghantarkan wakil-nya ka-Brunei bagi memeriksa dan juga memperbaiki jentera yang telah rosak akibat kebakaran itu.

✓ PERSEKOLAHAN ORANG2 DEWASA DI-ADAKAN DI-BRUNEI SEKARANG

Darjah Pelajaran menulis dan membaca Bahasa Melayu untuk orang2 dewasa yang tidak dapat peluang belajar pada masa yang lalu sekarang sedang di-adakan di-Brunei.

Darjah2 ini bertempat di-banguna2 sekolah pada masa murid2 sekolah tidak menggunakan darjah-nya masing2, dan guru2 yang akan mengajar ada-lah guru2 yang terlatah.

Orang2 ramai yang ingin memasoki peluang ini, hendak-lah berumur tidak kurang dari 16 tahun atau yang berumur lebih dari 16 tahun. Kerajaan tidak akan mengadakan sebarang bayaran kapada penuntut2 darjah ini; buku2 pelajaran juga akan di-beri perchoma oleh pihak Kerajaan.

Penghulu2, Ketua2 Kampong dan lain2 orang yang tertarik hati bagi memulakan darjah2 tersebut hendak-lah membuat perhubungan dengan saberepa segera kapada Tuan Pegawai Pelajaran Negeri, di-Pajabat Pelajaran Negeri Brunei yang bertempat di-Bandar Brunei.

-----*****-----